



GARISPANDUAN VAKSINASI COVID-19

MANDATORI BAGI WARGA PERKHIDMATAN AWAM YANG BERTUGAS SEBAGAI PETUGAS BARISAN HADAPAN (*FRONTLINERS*) DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Garis panduan ini adalah bertujuan untuk mengemaskini tindakan serta langkah-langkah yang akan diambil ke atas petugas barisan hadapan (*frontliner*) yang terdiri daripada Warga Perkhidmatan Awam di Negara Brunei Darussalam yang **belum menerima** vaksin COVID-19 atas pilihan sendiri atau atas sebab peribadi (iaitu bukan dikecualikan atas sebab kesihatan). Petugas barisan hadapan (*frontliner*) adalah **dikehendaki secara mandatori** untuk mendapatkan vaksinasi COVID-19 selaras dengan peruntukan undang-undang di bawah Bab 48 (2b) Akta Penyakit Berjangkit Penggal 204 dan Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 09/2021. Tindakan undang-undang akan diambil ke atas petugas barisan hadapan (*frontliner*) yang gagal untuk mematuhi arahan berkenaan.

Petugas-petugas barisan hadapan (*frontliners*) daripada kalangan warga perkhidmatan adalah petugas yang berurusan atau berhadapan dengan orang ramai termasuklah Petugas Penjagaan dan kakitangan sokongan Penjagaan Kesihatan, Pegawai dan Kakitangan Jabatan Imigresen dan Pendaftaran Kebangsaan yang bertugas di pintu masuk sempadan (*Points Of Entry*); Pegawai dan Kakitangan Jabatan Kastam dan Eksais Diraja yang bertugas di pintu masuk sempadan (*Points Of Entry*); Anggota Beruniform dan Agensi Keselamatan Negara termasuk Jabatan Bomba dan Penyelamat, Pasukan Polis Diraja Brunei dan Jabatan Ukur; Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penjara dan Insititusi Tahanan Kerajaan yang lain dan petugas-petugas kaunter perkhidmatan awam, ianya juga dilaratkan kepada tenaga pengajar, pekerja-pekerja persekolahan lain (*non-teaching staff*), petugas dan penjaga di sekolah-sekolah, pusat penjagaan kanak-kanak serta pelatih-pelatih sepertimana di dalam Garispanduan Premis dan Kaunter Pejabat Kerajaan semasa Fasa Awal Endemik bertarikh 08 Jamadilawal 1443 bersamaan 13 Disember 2021.

LANGKAH-LANGKAH YANG AKAN DIKENAKAN BAGI PETUGAS BARISAN HADAPAN (*FRONTLINERS*) YANG ENGGAN UNTUK MENERIMA VAKSIN COVID-19 ATAS PILIHAN SENDIRI ATAU ATAS SEBAB PERIBADI (IAITU BUKAN DIKECUALIKAN ATAS SEBAB KESIHATAN)

1. Warga Perkhidmatan Awam yang ditugaskan sebagai petugas barisan hadapan (*frontliner*) adalah **dikehendaki secara mandatori** untuk mendapatkan vaksin COVID-19 yang lengkap bagi menjaga kesejahteraan, keselamatan dan memeduli perihal kepentingan kesihatan Warga Perkhidmatan Awam secara amnya, dan yang belum menerima vaksin COVID-19 atas sebab kesihatan, khususnya mereka yang tergolong di dalam kumpulan yang berisiko tinggi (*vulnerable populations*) semasa penularan jangkitan wabak COVID-19.
2. Pihak Kementerian / Jabatan hendaklah memastikan petugas barisan hadapan (*frontliner*) yang ditugaskan di kaunter-kaunter perkhidmatan Kerajaan atau yang berurusan dengan orang ramai mestilah **bervaksinasi lengkap (*fully vaccinated*)**, kecuali yang telah mendapat pengesahan oleh Pegawai Perubatan Kerajaan dan dikecualikan (*exempted*) atas sebab-sebab kesihatan (*medical reasons*).



-2-

3. Bagi petugas barisan hadapan (*frontliner*), termasuk tenaga pengajar, pekerja-pekerja persekolahan lain (*non-teaching staff*), petugas dan penjaga di sekolah-sekolah, pusat penjagaan kanak-kanak serta pelatih-pelatih, yang enggan bervaksinasi, langkah-langkah selaras dengan tatacara tindakan tatatertib yang berkuatkuasa seperti berikut akan diambil:
 - 3.1. Pihak Kementerian / Jabatan bertanggungjawab untuk memberikan nasihat **dengan menerangkan kepada mana-mana petugas barisan hadapan (*frontliner*) yang belum menerima vaksin COVID-19 mengenai implikasi terhadap perkhidmatannya.**
 - 3.2. Petugas-petugas berkenaan **tidak dibenarkan hadir bertugas** dan adalah **dikehendaki untuk bercuti bagi tempoh tujuh (7) hari**, yang mana tempoh berkenaan adalah ditolak daripada cuti tahunan atau, jika sekiranya baki cuti tidak mencukupi, dikehendaki untuk mengambil cuti tidak bergaji (CTG). **Dalam tempoh berkenaan, petugas barisan hadapan hendaklah mendapatkan vaksin COVID-19.**
 - 3.3. Jika petugas barisan hadapan (*frontliner*) berkenaan masih enggan mendapatkan vaksin COVID-19, pihak Kementerian / Jabatan yang berkenaan hendaklah **menghadapkan nama petugas berkenaan ke Kementerian Kesihatan** untuk tindakan undang-undang yang bersesuaian dan adalah dikira sebagai tindakan tatatertib.
 - 3.4. Kementerian Kesihatan akan mengambil tindakan undang-undang terhadap petugas barisan hadapan (*frontliner*) berkenaan dan melaporkan kepada Kementerian / Jabatannya bagi tindakan tatatertib sebagaimana merujuk Surat Keliling Jabatan Perdana Menteri bilangan 19/1998.
 - 3.5. Pihak Kementerian / Jabatan bagi petugas barisan hadapan (*frontliner*) berkenaan hendaklah **menghadapkan sokongan bersesuaian kepada pihak Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA)** bagi tujuan tindakan tatatertib ke atas petugas berkenaan untuk apa juar pertimbangan lanjut Badan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam.
4. Pihak Kementerian / Jabatan adalah juga bertanggungjawab untuk membuat pemantauan secara berterusan ke atas status vaksinasi COVID-19 bagi petugas barisan hadapan (*frontliner*) di bawah kawalseliaan Kementerian / Jabatan masing-masing.

Jabatan Perdana Menteri,
Istana Nurul Iman,
Bandar Seri Begawan, BA 1000,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan : JPM/SUT/PA/U/124
Tarikh : 9 Rejab 1443 | 10 Februari 2022